



**SOALAN LAZIM (FAQ'S)**  
**BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**  
**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA BIL. 2 / 2020**

- 1. Adakah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?**

Semua operasi Jabatan Kastam Diraja Malaysia akan berjalan seperti biasa dengan kekuatan pegawai yang minimum. Kekuatan pegawai akan ditambah mengikut keadaan semasa.

Permohonan / pembaharuan yang berkaitan hal-hal perkastaman boleh dikemukakan secara dalam talian (*online*) dan dokumen sokongan hendaklah disertakan bersama sebagai lampiran (*attachments*) dalam emel.

- 2. Bolehkah para pelanggan datang ke pejabat kastam sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Para pelanggan dinasihatkan membuat panggilan telefon ke pejabat kastam berdekatan bagi tujuan khidmat nasihat.

- 3. Bolehkah saya mengimport / mengeksport dagangan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Dagangan boleh diimport / dieksport sepanjang tempoh PKP tertakluk kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017 / Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2017.

- 4. Bolehkah saya mengeksport dagangan yang dikategorikan sebagai dagangan strategik iaitu barang-barang di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010 sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Pengeksportan boleh dibenarkan dengan syarat kelulusan diperolehi daripada MITI terlebih dahulu.

- 5. Pergerakan barang-barang tertentu di antara Semenanjung dan Sabah atau Sarawak memerlukan kebenaran pihak JKDM. Bolehkah kebenaran permohonan Larangan Pemindahan (Had Gerakan) bagi barangan Jadual 1, Perintah Kastam (Larangan Pemindahan) 2018 dibuat semasa Perintah Kawalan Pergerakan berlangsung?**

Pemohonan Larangan Pemindahan (Had Gerakan) barangan seperti pada Jadual 1 iaitu senarai barang yang memerlukan kelulusan pihak JKDM boleh

dimohon melalui emel. Sila emel permohonan yang lengkap diisi kepada [siti\\_hindun.halim@customs.gov.my](mailto:siti_hindun.halim@customs.gov.my) atau [normilah.sharif@customs.gov.my](mailto:normilah.sharif@customs.gov.my). Proses kelulusan permohonan adalah dalam tempoh 3 hari.

**6. Bolehkah kakitangan syarikat Ejen Kastam dan *Direct User* datang ke pejabat kastam bagi sebarang urusan berkaitan permohonan pembaharuan dan perubahan maklumat syarikat?**

Semua urusan hendaklah dilakukan secara dalam talian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Permohonan pembaharuan sebagai Ejen Kastam dan *Direct User* adalah dibenarkan untuk dikemukakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini dengan menghantar borang permohonan beserta dokumen-dokumen sokongan syarikat secara *softcopy* melalui emel kepada [venitha.lojuti@customs.gov.my](mailto:venitha.lojuti@customs.gov.my) dan [raula.zolkipli@customs.gov.my](mailto:raula.zolkipli@customs.gov.my)

Bagi perubahan maklumat syarikat di mana tarikh perubahan maklumat telah jatuh semasa berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini, syarikat diberi lanjutan masa selama 14 hari dari tarikh tamat Perintah Kawalan Pergerakan untuk memaklumkan kepada pihak Jabatan.

Sebarang permohonan lain yang berkaitan dengan Ejen Kastam dan *Direct User* adalah dibekukan sehingga Perintah Kawalan Pergerakan tamat.

**7. Adakah barang-barang yang saya bawa akan diperiksa oleh JKDM di pintu-pintu masuk negara semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Kaedah pemeriksaan Kastam ke atas barang-barang yang dibawa oleh pelancong dan pelawat yang masuk / keluar Malaysia adalah terpakai mengikut peruntukan sedia ada di bawah Akta Kastam 1967.

**8. Adakah saya perlu membuat pengikraran wang apabila memasuki Malaysia sepanjang tempoh PKP?**

Ya. Perundangan sedia ada adalah terpakai terhadap pengikraran wang dan instrumen boleh niaga.

**9. Adakah Tempat Pendaratan yang Sah yang telah diwartakan di bawah Seksyen 23 Akta Kastam 1967 dan tempat pendaratan yang telah diberikan kelulusan di bawah Seksyen 30 / 33 Akta Kastam 1967 seperti pelabuhan dan jeti dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP?**

Semua Tempat Pendaratan yang Sah (Seksyen 23 Akta Kastam 1967) dan tempat pendaratan (Seksyen 30 / 33 Akta Kastam 1967) bagi aktiviti import / eksport dan pergerakan barang di antara wilayah **dibenarkan** beroperasi selaras dengan perkhidmatan-perkhidmatan perlu di bawah PKP melainkan Pihak Yang Berkuasa mengarahkan tempat pendaratan ditutup.

**10. Adakah krew di dalam bot / kapal yang tiba dari luar negara atau krew warganegara Malaysia boleh diturunkan di Tempat Pendaratan yang Sah (Seksyen 23, Akta Kastam 1967) dan tempat pendaratan (Seksyen 30 / 33, Akta Kastam 1967) sepanjang tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan?**

Krew warganegara asing **tidak boleh** diturunkan, ini selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan yang tidak membenarkan kemasukan warganegara asing ke dalam negara. Manakala, krew **warganegara Malaysia** boleh diturunkan dan perlu menjalani proses saringan kesihatan dan kuarantin seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Untuk maklumat lanjut sila rujuk Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

**11. Adakah pergerakan barang dari / ke Gudang Berlesen di bawah Seksyen 65 Akta Kastam 1967 dibenarkan sepanjang tempoh PKP?**

Pergerakan barang dari / ke Gudang Berlesen di bawah Seksyen 65 Akta Kastam 1967 adalah tertakluk kepada arahan PKP. Proses perkastaman berjalan seperti biasa. Kelulusan pelepasan JKDM tidak boleh dianggap kelulusan untuk bergerak. Pergerakan tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

**12. Syarikat saya berstatus Gudang Pengilangan Berlesen yang menghasilkan topeng muka. Adakah semua jenis topeng muka tertakluk kepada larangan eksport?**

Topeng muka yang tertakluk kepada larangan eksport hanya lah topeng muka di bawah kategori *surgical / medical face mask* di bawah kod tarif 6307.90.40 00 dan 6307.90.90 00

**13. Sebagai syarikat berstatus Gudang Pengilangan Berlesen, adakah pewartaan larangan eksport ini memberi kesan kepada pengecualian duti dan cukai ke atas bahan mentah bagi menghasilkan topeng muka berkenaan?**

Syarikat masih layak menikmati kemudahan pengecualian berkenaan.

**14. Adakah perlu pengimport mengemukakan Borang Layanan Tarif Berkeutamaan untuk menikmati kadar FTA?**

Borang Layanan Tarif Berkeutamaan di bawah FTA masih lagi diperlukan. Pengimport perlu membayar duti pada kadar penuh dan boleh menuntut pulang balik selepas mendapat borang tersebut dari pihak berkuasa negara yang berkenaan.

**15. Adakah kemudahan untuk syarikat membuat pembayaran ke atas sebarang aktiviti petroleum & gas melalui atas talian semasa tempoh PKP dikekalkan?**

Kemudahan untuk membayar duti secara atas talian disediakan seperti biasa.

**16. Adakah permohonan Jaminan Bank (bagi pergerakan barangan petroleum) boleh dibuat melalui atas talian (emel) sahaja dan adakah ianya diterima oleh pihak JKDM semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Bagi syarikat yang tidak dapat memperbaharui jaminan bank, Surat Aku Janji (*Letter of Undertaking*) yang ditandatangani oleh salah seorang ahli lembaga pengarah boleh diterima dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Bagi syarikat yang boleh mendapatkan jaminan bank, syarikat perlu membatalkan setem tersebut mengikut tatacara Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dengan memalangkan setem menggunakan pen dakwat hitam dan hendaklah *discan* dan diemel kepada pegawai JKDM di Cawangan Industri, Petroleum & Gas.

Selepas sekatan PKP tamat, pihak syarikat perlu kemukakan Jaminan Bank asal dalam tempoh 14 hari.

**17. Adakah permohonan kelulusan pemindahan bagi produk petroleum (*lubricant*) di bawah Perintah Kastam (Larangan Pemindahan) 2018 boleh dibuat secara atas talian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Permohonan boleh di email ke [md\\_syukri.othman@customs.gov.my](mailto:md_syukri.othman@customs.gov.my) atau [farah.yacob@customs.gov.my](mailto:farah.yacob@customs.gov.my)

**18. Adakah kemudahan disediakan kelulusan secara atas talian untuk permohonan pengecualian Butiran 67 dan 89 Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2017 semasa Perintah Kawalan Pergerakan?**

Permohonan pengecualian peralatan dan kelengkapan untuk produk petroleum melalui Butiran 67 dan 89 boleh dibuat secara atas talian dan dihantar melalui email kepada [masrul.kamarudin@customs.gov.my](mailto:masrul.kamarudin@customs.gov.my) dan [farah.yacob@customs.gov.my](mailto:farah.yacob@customs.gov.my)

**19. Adakah permohonan syarikat di dalam Zon Perindustrian Bebas untuk membayar duti import bersamaan dengan kadar ATIGA bagi jualan keluaran siap ke pasaran tempatan boleh dikemukakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Ya. Permohonan boleh dikemukakan ke email pegawai [shahida.shuib@customs.gov.my](mailto:shahida.shuib@customs.gov.my) dan [nurizzah.kassim@customs.gov.my](mailto:nurizzah.kassim@customs.gov.my). Kelulusan untuk pergerakan barang adalah tertakluk kepada PKP.

**20. Adakah permohonan syarikat di dalam Zon Perindustrian Bebas untuk menjalankan aktiviti subkontrak ke luar negara boleh dikemukakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Ya. Permohonan boleh dikemukakan ke email pegawai shahida.shuib@customs.gov.my dan nurizzah.kassim@customs.gov.my

**21. Bagaimana sekiranya terdapat sebarang isu / pertanyaan berhubung Zon Bebas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Para pelanggan digalakkan membuat panggilan telefon ke pejabat Kastam berdekatan bagi tujuan khidmat nasihat atau pertanyaan boleh dikemukakan ke email pegawai shahida.shuib@customs.gov.my dan nurizzah.kassim@customs.gov.my

**22. Bolehkah syarikat memohon pembaharuan lesen eksais sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Permohonan pembaharuan lesen boleh dibuat secara online melalui emel ke pejabat JKDM di mana kilang anda beroperasi.

**23. Bolehkah pengilang kenderaan membuat ikrar melalui Sistem e-Eksais sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Sistem e-Eksais beroperasi seperti biasa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Para pengilang digalakkan memohon secara dalam talian (*online*). Kelulusan untuk membawa kereta-kereta ke *showroom* tertakluk kepada syarat-syarat PKP. (Kelulusan e-Eksais tidak boleh dianggap sebagai kelulusan untuk bergerak).

**24. Bolehkah para pelanggan datang ke Pejabat Kastam sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan untuk membuat permohonan status *Authorized Economic Operator (AEO)* ?**

Para pelanggan digalakkan membuat panggilan telefon ke pegawai Unit *AEO* Ibu Pejabat atau *Account Manager AEO* di pejabat Kastam berdekatan atau merujuk portal *AEO* bagi mendapatkan panduan permohonan (rujuk [www.customs.gov.my](http://www.customs.gov.my)). Permohonan boleh dibuat dengan memajukan salinan-salinan borang-borang permohonan berkaitan yang telah lengkap diisi serta dokumen sokongan yang diimbas ke [aeo.support@customs.gov.my](mailto:aeo.support@customs.gov.my) atau [secretariat.aeo@customs.gov.my](mailto:secretariat.aeo@customs.gov.my). Untuk senarai direktori pegawai Unit *AEO*, sila rujuk portal *AEO* di [www.customs.gov.my](http://www.customs.gov.my)

**25. Adakah pegawai Unit AEO bertugas sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan untuk membuat pembatalan pengikraran *Permission Request Slip (PRS)* atau *Consolidated Statement (CS)* yang terpaksa dibatalkan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan?**

Pembatalan *PRS* atau *CS* yang terpaksa dibatalkan dibuat secara atas talian dalam sistem AEO versi web. Permohonan pembatalan hendaklah diemelkan ke [aeo.support@customs.gov.my](mailto:aeo.support@customs.gov.my)

**26. Bolehkah permohonan pembaharuan atau pembelian media kekunci digital (*USB Token*) bagi Sistem AEO dibuat sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan?**

Para pelanggan boleh membuat permohonan secara dalam talian dan melalui emel [aeo.support@customs.gov.my](mailto:aeo.support@customs.gov.my) dengan menyertakan salinan-salinan dokumen pengenalan, surat permohonan dan surat pengesahan, *Attachment 5-1 Bon Am* dan *Attachment 5 (Pind. 2019) List of responsibilities* yang lengkap diisi serta ditandatangani.

**Bagi sebarang permohonan perubahan maklumat syarikat di mana tarikh perubahan maklumat telah jatuh dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, permohonan perubahan maklumat syarikat akan dilanjutkan sehingga 14 hari dari tarikh tamat Perintah Kawalan Pergerakan.**

**Sebarang maklumat lanjut, sila layari laman sesawang Jabatan Kastam Diraja Malaysia di [www.customs.gov.my](http://www.customs.gov.my)**

Maklumat ini dikemaskini pada 27 Mac 2020 @ 1700 hrs